

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT BAGI KEMPEN PEAK SAVER

1.0 DEFINISI

Untuk tujuan Terma-terma dan Syarat-syarat ("T&S") ini, perkataan dan ungkapan berikut mempunyai maksud yang dikhususkan kepada mereka melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain:

"**Bank**" merujuk kepada MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran 200501033981 (716122-P)) pengganti dalam hakmilik dan pemegang serahkannya.

"**Kempen**" bermaksud KEMPEN PEAK SAVER

"**Tempoh Kempen**" bermaksud tempoh Kempen berlangsung.

"**Pelanggan Yang Layak**" merujuk kepada pelanggan baharu yang merupakan pemegang akaun yang membuka atau membuat deposit tambahan semasa Tempoh Kempen dan memenuhi kriteria yang diperlukan sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 3.0.

"**Dana Baharu**" bermaksud wang atau dana yang:

- a) tidak dipindahkan dari mana-mana akaun Bank yang sedia ada; dan
- b) dipindahkan dari bank/institusi kewangan yang lain.

"**Purata Baki Bulanan**" ("**PBB**") bermaksud purata baki yang ada di dalam Akaun pada setiap akhir bulan berdasarkan rekod Bank.

"**NTB**" bermaksud Pelanggan Baru kepada Bank

"**TSA-i**" bermaksud Akaun Simpanan Berperingkat-i

"**T&S**" merujuk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat

"**Laman Web Bank**" merujuk kepada www.mbsbbank.com

2.0 TEMPOH KEMPEN

1 April 2024 sehingga 31 Mac 2025 (Termasuk kedua-dua tarikh)

Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen, Bank akan mengeluarkan notis awal tidak kurang daripada tempoh dua puluh satu (21) hari perniagaan.

3.0 PELANGGAN YANG LAYAK

3.1 Terbuka kepada Pelanggan Individu Baru kepada Bank (NTB) (Pelanggan yang Layak).

3.2 Pelanggan Individu

Sila rujuk **Jadual 1.0** bagi jenis pemegang akaun dan syarat-syarat bagi pelanggan individu.

Jenis Pemegang Akaun	Syarat-Syarat
Tunggal atau Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas Warganegara Malaysia, pemastautin tetap dan bukan pemastautin;
Amanah	<ul style="list-style-type: none"> Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun tertakluk kepada akaun yang dikendalikan oleh Pemegang Amanah (Ibu bapa atau Penjaga Sah) Warganegara Malaysia dan pemastautin tetap

Jadual 1.0: Pelanggan Individu

3.3 Kakitangan Bank (tetap/kontrak) TIDAK layak untuk menyertai Kempen.

3.4 Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan, kesalahan ataupun tindakan menyalahi undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufis atau bakal dikenakan prosiding kemufisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen TIDAK layak menyertai Kempen ini.

4.0 KAEDAH KEMPEN

4.1 KADAR KEUNTUNGAN KEMPEN DAN KRITERIA

4.1.1 Pelanggan yang Layak perlu membuka Akaun Simpanan Berperingkat-i (TSA-i) melalui Kaunter (OTC) di mana-mana Cawangan Bank atau cawangan maya Bank, M-Journey di www.mbsbbank.com.my

4.1.2 Pelanggan yang Layak mesti membuat deposit minimum (dana baharu) sebanyak RM 1,000.00 untuk mendapatkan Kadar Keuntungan Kempen. Kadar Keuntungan Kempen adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 2.0**:

PERINGKAT	JUMLAH DEPOSIT	KADAR KENTUNGAN setahun.
1	Sehingga RM10,00.00	0.50%
2	Melebihi RM10,000.00	2.80%

Jadual 2.0: Butiran Kadar Keuntungan Berperingkat setahun

Nota: Sekiranya berlaku perubahan kepada Perubahan Kadar Polisi Semalaman (OPR), Bank berhak untuk:

- Memanjangkan, memendekkan, atau menghentikan Kempen ini berkuat kuasa serta-merta selepas notis oleh Bank dikeluarkan; atau
- Mengubah Kadar Keuntungan Kempen berkuat kuasa serta-merta selepas notis oleh Bank dikeluarkan.
- Kadar Keuntungan Kempen hanya terpakai semasa Tempoh Kempen. Kadar Keuntungan Kempen akan berubah kepada kadar keuntungan akaun TSA-i pada tarikh ulang tahun yang pertama pembukaan akaun.

4.1.3 Bagi 300 pendeposit baharu pertama yang **mengekalkan Purata Baki Bulanan (PBB) minima Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000.00) selama tiga (3) bulan, termasuk bulan pembukaan akaun TSA-i** layak memenangi Syiling Emas satu (1) gram.

4.1.4 Pelanggan yang Layak hanya layak memenangi satu (1) hadiah/Syiling Emas untuk kempen ini.

4.2 PURATA BAKI BULANAN (PBB)

4.2.1 Formula untuk mengira PBB adalah seperti berikut:

$\text{PBB} = \frac{\text{Jumlah Baki Terakhir Harian Dalam Setiap Bulan Tertentu}}{\text{Jumlah Hari Dalam Bulan Tertentu}}$

4.2.2 Ilustrasi pengiraan PBB seperti jadual di bawah, **Jadual 3.0**.

Bulan	Sep 2024	Okt 2024	Nov 2024
<i>Jumlah Baki Terakhir Harian Dalam Bulan Tersebut (RM)</i>	RM 270,000.00	RM 160,000.00	RM 70,000.00
<i>Bilangan Hari</i>	29* *(02-30 Sept 2024)	31	30
<i>Purata Baki Bulanan</i>	= RM 270,000.00 / 30 = RM 9,000.00	= RM 160,000.00 / 31 =RM 5,161.29	= RM 70,000.00 / 30 =RM 2,333.33

Jadual 3.0: Ilustrasi Pengiraan PBB

*Nota: *Pelanggan mendeposit pada 02 September 2024.*

4.3 PEMENANG DAN PENEBUSAN HADIAH

- 4.3.1 Pemenang akan dihubungi oleh cawangan Bank masing-masing dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja selepas pemenang dikenal pasti. Untuk Akaun Bersama, hanya Pemegang Akaun Utama yang akan dihubungi oleh cawangan Bank masing-masing bagi pemberitahuan kemenangan.
- 4.3.2 Syiling Emas tidak boleh dipindah milik atau ditukar. Bank berhak untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana item lain yang mempunyai nilai yang sama mengikut budi bicaranya. Ketiadaan hadiah atau disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka dsb.
- 4.3.3 Sekiranya berlaku kematian pemenang selepas pengumuman atau pemberitahuan pemenang oleh Bank, Syiling Emas hanya boleh dituntut oleh waris terdekat dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja dengan disertai bersama dokumen sokongan yang boleh diterima oleh Bank, jika gagal, Bank berhak untuk membatalkan kemenangan dan memilih pemenang yang lain.
- 4.3.4 Syiling Emas yang ditunjukkan dalam iklan dan bahan pemasaran (jika ada) adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk sebenar mungkin berbeza.

[Baki halaman sengaja dibiarkan kosong]

5.0 AM

- 5.1 Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
- a. dikehendaki membaca dan memahami T&S ini;
 - b. telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada T&S ini dan T&S produk.
 - c. mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
 - d. memberi kebenaran kepada Bank untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang mana Pelanggan yang Layak boleh berkongsi dengan Bank mengikut menurut Notis Privasi Bank di www.mbsbbank.com.my ;
 - e. bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat dengan wajar dan berpatutan oleh Bank berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Kadar Kempen yang diberikan dan penentuan Pelanggan yang Layak, adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - f. bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pelanggan yang Layak sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan obligasinya di bawah T&S ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat:
 - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - (ii) kegagalan elektrik;
 - (iii) pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - (iv) sebarang bencana alam ('act of God') di luar kawalan Bank atau
 - (v) apa-apa faktor yang bersifat 'force majeure' yang berada di luar kawalan munasabah Bank
- 5.2 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk namun tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, terbangkit, teladan, punitif atau khas) yang terbangkit ketika menyertai Kempen ini.
- 5.3 Bank boleh mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana bahagian di dalam T&S ini dengan memberi notis awalan dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak sebelum tarikh kuat kuasa bermula menerusi cara pemberian notis seperti berikut:
- a. pengumuman melalui Bank website; dan/atau
 - b. notis di cawangan Bank; dan/atau
 - c. melalui sebarang cara notifikasi lain yang mungkin akan dipilih oleh Bank.
- 5.4 Pindaan dan/atau variasi yang dibuat kepada T&S hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh Bank dalam notifikasi tersebut.
- 5.5 Jika perubahan Kempen dan/atau T&S tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, arahan, notis dan garis panduan oleh mana-mana badan berkuasa ("Peraturan") maka ia akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan Bank akan memberi notis kepada Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- 5.6 Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Bank dari masa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa dikemaskini dengan pindaan T&S ini.
- 5.7 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak disebabkan pindaan T&S ini secara langsung atau tidak langsung.

5.8 T&S ini:

- a. akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen; dan
- b. hendaklah dibaca bersama terma dan syarat semasa akaun TSA-i yang akan digunakan sebagai tambahan kepada T&S di sini.

5.9 T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan kawal selia lain yang berkaitan yang tertakluk kepada Bank.

5.10 Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Bank untuk sebarang maklum balas berkaitan Kempen ini melalui surat, di ruangan maklum balas di laman web Bank, panggilan telefon atau e-mel:

Alamat

Customer Experience Management
Menara Bank,
PJ Sentral, Lot 12,
Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya
Selangor.

Laman Web Bank: www.mbsbbank.com.my (Contact Us @ **Customer Feedback**)

Talian Pertanyaan: 03-2096 3000

Pertanyaan melalui email: enquiry@mbsbbank.com/ complaint@mbsbbank.com

Jika terdapat sebarang pertikaian di dalam T&S di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, maka versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

[Tamat]

[Baki halaman sengaja dibiarkan kosong]